

## HUBUNGAN ANTARA PENILAIAN PEMBELAJARAN DENGAN TINGKAH LAKU PEGAWAI AGAMA DALAM USAHA DAKWAH KEPADA ODHA DI MALAYSIA

Hazlin Kadir @ Shahr<sup>1</sup>, Razaleigh Muhamat @ Kawangit<sup>1</sup>,  
Rosmawati Mohamad Rasit<sup>1</sup>, Badlihisam Mohd Nasir<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.

<sup>2</sup> Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia.

Corresponding Author: Hazlin Kadir @ Shahr. Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia. Tel: (60) 138501801. Email: haz\_sha@yahoo.com

### ABSTRAK

*Artikel ini bertujuan melihat hubungan antara penilaian pembelajaran dengan penilaian tingkah laku dalam kalangan Pegawai Agama di Malaysia setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Program latihan ini dilaksanakan untuk menyampaikan maklumat yang tepat serta informasi terkini isu HIV/AIDS di samping melatih Pegawai-pegawai Agama di Malaysia untuk menangani isu tersebut dalam kalangan umat Islam. Program latihan ini berbentuk teori dan praktikal di mana peserta program berpeluang melaksanakan dakwah secara temu seru (outreach) dengan Orang Yang Hidup dengan HIV/AIDS (ODHA) secara langsung. Kaedah kuantitatif melalui soal selidik telah digunakan untuk memperoleh data. Seramai 350 orang Pegawai Agama yang telah mengikuti program latihan ini dipilih sebagai responden melalui teknik pensampelan rawak mudah. Analisis korelasi Pearson dijalankan bagi mengenal pasti hubungan di antara penilaian pembelajaran dengan penilaian tingkah laku peserta yang mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS. Hasil analisis ujian korelasi Pearson tersebut mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara penilaian pembelajaran dari segi maklumat yang diperoleh daripada kandungan program dengan penilaian tingkah laku dengan nilai  $r = 0.489$  dan  $sig = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). Kekuatan hubungan ialah positif sederhana. Manakala hubungan antara penilaian pembelajaran dari segi maklumat yang diperoleh daripada program temu seru dengan penilaian tingkah laku pula menunjukkan kekuatan hubungan positif kuat dengan nilai yang diperoleh ialah  $r = 0.539$  dan  $sig = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). Analisis ini menunjukkan bahawa pembelajaran yang diperoleh melalui program latihan Manual Islam dan HIV/AIDS ini telah berjaya mengubah tingkah laku Pegawai Agama dari segi kesedaran peranan berdakwah kepada ODHA.*

**Kata Kunci:** latihan, pegawai agama, penilaian, pembelajaran, tingkah laku, dakwah

**(RELATIONSHIP BETWEEN LEARNING AND  
BEHAVIOURAL EVALUATION BETWEEN RELIGIOUS  
OFFICERS TO DEAL WITH ODHA IN MALAYSIA)**

**ABSTRACT**

*This article examines the relationship between learning and behavioural evaluation among religious officers in Malaysia after attending the Manual on HIV/AIDS in Islam Training Programmes organized by the Islamic Development Department of Malaysia (JAKIM). The training programs were implemented to deliver the most accurate and the latest information on HIV / AIDS and train religious officers in Malaysia to address the issues among Muslims. The training programs apply theoretical and practical activities where participants can carry out outreach activities with People Living with HIV / AIDS (ODHA). Quantitative methods through questionnaires were used to obtain data. A total of 350 religious officers who had attended the training programs were selected as respondents by simple random sampling technique. Pearson correlation analysis was conducted to determine the learning and behavioural evaluation relationship. The Pearson correlation analysis results found a significant relationship between learning evaluation in terms of the information obtained from programs' contents and behavior evaluation with  $r = 0.489$  and  $sig = 0.000$  ( $p < 0.05$ ) at the medium positive range. While the relationship between learning evaluation in terms of the information obtained from outreach activities with behavioural evaluation showed a strong positive correlation with the strength values obtained were  $r = 0.539$  and  $sig = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). This analysis indicates that the information acquired through the training program Manual Islam and HIV / AIDS has successfully changed the behavior of religious officers' awareness in terms of the role of dakwah to ODHA.*

**Keywords:** *training, religious officers, evaluation, behavior, da'wah*

Received: December 3, 2015

Accepted: January 23, 2016

Online Published: December 30, 2016

**1. Pengenalan**

Latihan merupakan satu aktiviti memindahkan maklumat dan pengetahuan kepada individu. Individu yang telah mendapat latihan membolehkannya untuk mempraktikkan maklumat dan pengetahuan yang dipelajari bagi mempertingkatkan keberkesanan dan produktiviti organisasi. Menurut Norhasni (2014), secara umumnya, latihan bertujuan memberi pengetahuan baru (kognitif), memberikan kemahiran teknikal (psikomotor) dan juga mengubah sikap dan tingkah laku (afektif). Program latihan adalah satu aspek penting yang tidak boleh diabaikan dalam rangka melahirkan pekerja terlatih dan profesional, seterusnya mampu menyumbang kepada peningkatan kualiti dan produktiviti serta meningkatkan imej organisasi (Abdul Ghafar et al., 2015). Penilaian program pula merupakan satu perkara yang penting diambil berat apabila melaksanakan sesuatu latihan. Latihan boleh dikatakan berjaya sekiranya peserta mendapat maklumat dan pembelajaran baru melalui kandungan program latihan yang telah diikuti. Seterusnya peserta mampu untuk mengaplikasikannya dalam bentuk perubahan tingkah laku mahupun persepsi terhadap isu yang berkaitan.

Setiap program latihan yang telah dilaksanakan memerlukan penilaian untuk menentukan kelebihan dan kelemahannya. Pihak penganjur program sering kali ingin mengetahui pada tahap mana kejayaan yang telah dicapai oleh setiap program yang telah dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, kelemahan di dalam program yang dilaksanakan dapat dikenal pasti agar proses membuat keputusan semakin jitu dan tepat. Kekuatan dan kelemahan program dapat ditentukan secara terperinci lalu keputusan sama ada program patut diteruskan, diubahsuai atau dihentikan dapat dibuat dengan pasti.

Lantaran itu, bagi mengenal pasti perkara-perkara yang boleh memaksimumkan keberkesanan sesuatu program latihan, penilaian program latihan perlu dilakukan. Penilaian ke atas keberkesanan program latihan merupakan suatu aspek penting dan tidak boleh diabaikan oleh perancang program kerana ia dapat menentukan sejauh mana sesuatu program latihan benar-benar berfaedah ke atas kelompok sasaran.

Kajian ini menilai program latihan Manual Islam dan HIV/AIDS yang dianjurkan oleh JAKIM. Latihan disasarkan kepada pegawai-pegawai agama seluruh Malaysia di mana mereka diberi maklumat yang terperinci mengenai isu HIV/AIDS berdasarkan sebuah manual yang telah dibangunkan oleh JAKIM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Manual Islam dan HIV/AIDS ini mengandungi lapan modul iaitu Modul 1 : HIV/AIDS : Pengenalan Asas, Modul 2 : Fakta dan Perangkaan HIV/AIDS, Modul 3 : Pencegahan, Modul 4 : Sokong Bantu dan Rawatan, Modul 5 : Stigma (Prasangka Buruk) dan Diskriminasi, Modul 6 : Tugas dan Tanggungjawab Umat Islam Di Dalam Memerangi HIV/AIDS, Modul 7 : Pengurusan Jenazah dan Modul 8 : Pelan Tindakan (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2009). Kajian ini menilai empat aras penilaian seperti yang dikemukakan oleh Kirkpatrick (1959) iaitu penilaian reaksi peserta, penilaian pembelajaran peserta, penilaian tingkah laku peserta dan penilaian hasil program. Walau bagaimanapun dalam konteks artikel ini, kajian akan memfokuskan kepada penilaian pembelajaran peserta dan penilaian tingkah laku peserta dengan melihat hubungan di antara keduanya. Seterusnya kajian ingin melihat sama ada wujud kesedaran peranan untuk melaksanakan aktiviti dakwah dalam kalangan peserta program latihan kepada Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA).

## **2. Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Pensampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian (Chua, 2011). Sampel kajian ialah seramai 350 orang Pegawai Agama yang terdiri daripada 12 kategori iaitu Pegawai Hal Ehwal Islam, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pembantu Hal Ehwal Islam, Pegawai Jabatan Mufti, Pegawai Tadbir Agama Negeri, Pegawai Penyelaras Masjid, Imam Masjid Negeri, Imam Masjid Daerah, Imam Masjid Kariah, Imam Surau, Guru Takmir Masjid / Surau dan Guru Kelas Al Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang telah diberi latihan menerusi program latihan Manual Islam dan HIV/AIDS anjuran JAKIM. Borang kaji selidik telah diedarkan untuk memperoleh data. Penggunaan soal selidik merupakan salah satu kaedah yang paling popular di kalangan pengkaji-pengkaji kerana mudah ditadbir dengan baik. Di samping itu, data juga senang diproses dan dianalisis. Kandungan sesuatu soal selidik mestilah komprehensif iaitu segala faktor diambil kira dan meliputi konstruk konsep yang ingin diukur (Syed Arabi, 2002).

Berdasarkan konteks kajian dalam artikel ini, beberapa persoalan kajian telah dibentuk iaitu :

- i. Apakah tahap penilaian pembelajaran peserta Program Latihan Manual Islam Dan HIV/AIDS terhadap maklumat yang diperoleh daripada kandungan program dan temu seru semasa latihan?
- ii. Apakah tahap penilaian tingkah laku peserta yang mengikuti Program Latihan Manual Islam Dan HIV/AIDS dari segi pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap ODHA, kesedaran tentang peranan dakwah dan kesediaan menjalankan program mendekati ODHA?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara penilaian pembelajaran dengan penilaian tingkah laku peserta mengenai HIV/AIDS yang mengikuti Program Latihan Manual Islam Dan HIV/AIDS?

Untuk menjawab persoalan kajian tersebut, objektif yang ingin dicapai ialah :

- i. Menilai tahap pembelajaran yang diperoleh peserta Program Latihan Manual Islam Dan HIV/AIDS daripada dua aspek iaitu maklumat yang diperoleh daripada kandungan program dan maklumat daripada program temu seru semasa latihan.
- ii. Menilai tahap tingkah laku peserta setelah mengikuti program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS daripada tiga aspek iaitu pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA), kesedaran tentang peranan dakwah dan keyakinan menjalankan program mendekati ODHA.
- iii. Menganalisis hubungan antara pembelajaran dan tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam Dan HIV/AIDS.

Melalui kajian ini juga terdapat beberapa hipotesis yang ingin dibuktikan seperti berikut :

Ho1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian pembelajaran dengan penilaian tingkah laku peserta yang mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS.

Ho1.1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian pembelajaran dari segi maklumat yang diperoleh daripada kandungan program dengan penilaian tingkah laku peserta yang mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS.

Ho1.2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian pembelajaran dari segi maklumat yang diperoleh daripada temu seru dengan penilaian tingkah laku peserta yang mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS.

### **3. Penilaian Pembelajaran Dan Penilaian Tingkah Laku**

Pembelajaran ditakrifkan sebagai perubahan pemikiran, kebolehan dan perangai seseorang yang bukan disebabkan oleh proses pembesaran. Perubahan itu biasanya merupakan pertambahan kebolehan bagi sesuatu perbuatan atau pekerjaan yang berkaitan dengan minat, sikap atau nilai seseorang. Pembelajaran juga merupakan proses yang menyebabkan perubahan tingkah laku kepada diri manusia. Perubahan tingkah laku ini dihasilkan daripada pengalaman yang diperoleh dan latihan yang diikuti, bukan sumbangan faktor lain. Perubahan tingkah laku itu biasanya berlaku dalam jangka masa tertentu dan tidak semestinya diperoleh serta-merta (Kamaruzaman et al., 2012). Pembelajaran adalah proses atau pengalaman peserta yang menghadiri program latihan dalam mendapatkan pengetahuan atau kemahiran baru. Pembelajaran adalah dikatakan sebagai proses di mana individu dapat mengubah

sikap dan tingkah laku secara berterusan dan tekal. Secara amnya, pembelajaran boleh ditafsirkan sebagai tahap di mana peserta mengalami perubahan tingkah laku, peningkatan pengetahuan dan peningkatan kemahiran sebagai hasil daripada menyertai program latihan.

Penilaian pembelajaran dalam konteks kajian ini apabila dirujuk kepada Model Penilaian Kirkpatrick ditakrifkan sebagai apakah prinsip, fakta dan teknik dapat difahami serta dihayati oleh peserta melalui latihan yang telah diikuti (Kirkpatrick, 1987).

Tingkah laku pula diterjemahkan sebagai tahap di mana perubahan terhadap tingkah laku berlaku disebabkan oleh peserta menyertai program latihan. Tahap tingkah laku merujuk kepada sejauh mana perubahan tingkah laku berlaku kesan daripada program latihan yang dihadiri oleh mereka. Perubahan tingkah laku selepas latihan agak sukar untuk dikenal pasti berbanding penerimaan pembelajaran dan reaksi peserta (aras pertama yang dinilai dalam Model Penilaian Kirkpatrick). Lima keperluan asas yang perlu wujud jika seseorang ingin mengubah tingkah laku selepas menghadiri latihan ialah :

- i. Mereka mesti mahu membuat penambahbaikan,
- ii. Mereka perlu mengenal pasti kelemahan mereka sendiri,
- iii. Mereka mesti bekerja dalam iklim yang bebas,
- iv. Mereka mesti mendapat bantuan daripada seseorang yang berminat dan berkemahiran; dan
- v. Mereka mesti mempunyai peluang untuk mencuba idea-idea baru (Kirkpatrick, 1987).

#### 4. Dakwah Kepada Orang Yang Hidup Dengan Hiv/Aids (ODHA)

Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA) merupakan istilah yang digunakan secara global untuk menggambarkan seseorang yang dijangkiti virus *Human Immunodeficiency Virus* (HIV). Mereka juga dikenali sebagai HIV positif. Dengan kaedah perubatan terkini, mereka yang HIV positif dapat hidup dengan lebih lama. Walaupun HIV terdapat dalam tubuh mereka, ia mungkin tidak menyebabkan penyakit untuk suatu tempoh yang lama. Sekiranya tidak dirawat dengan ubat-ubatan antiretroviral, virus ini akan memusnahkan sel darah putih dan menyebabkan sistem pertahanan badan tidak dapat melawan penyakit biasa. Oleh itu, pelbagai penyakit serius boleh dihadapi seperti pneumonia dan barah. Apabila penyakit yang serius ini berlaku, seseorang dikatakan telah menghadapi AIDS (*Acquired Immunodeficiency Syndrome*) (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2009).

HIV dan AIDS bukanlah merupakan perkara serta isu baharu di Malaysia. Seawal tahun 1986 lagi, kes HIV/AIDS telah dikesan di negara ini dengan kes HIV dicatatkan seramai tiga orang, kes AIDS seramai seorang manakala kematian yang direkodkan juga adalah seramai seorang. Jumlah ini semakin menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2015), secara kumulatif sejak tahun 1986 sehingga Disember 2014, rekod mencatatkan seramai 105,189 orang mendapat jangkitan HIV dan seramai 21,384 orang pula mendapat AIDS. Jumlah kematian yang direkodkan akibat HIV/AIDS pula adalah sebanyak 17,096 kes. Melalui data tersebut, didapati sebahagian besar daripada mereka adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Etnik Melayu mewakili sebanyak 70% daripada kumulatif 101,672 jangkitan HIV yang dilaporkan sehingga tahun 2013. Manakala etnik lain seperti Cina mewakili 15% peratus, India sebanyak

8%, warga asing sebanyak 4% dan lain-lain etnik sebanyak 3% (Majlis AIDS Malaysia dan Yayasan AIDS Malaysia, 2013).

Menyedari bahawa orang Islam di Malaysia menunjukkan peratusan yang agak tinggi HIV positif dan menghidap AIDS, JAKIM sebagai agensi yang menyelaraskan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia bertanggungjawab menyusun strategi bagi menangani isu HIV/AIDS. Di samping itu juga agensi agama peringkat persekutuan dan negeri turut bertindak menangani pelbagai permasalahan sosial yang semakin serius melibatkan umat Islam di negara ini. Untuk itu, pelbagai usaha dakwah digerakkan untuk mendekati, membantu dan membimbing ODHA. Namun usaha ini perlu dilakukan dengan memberi maklumat yang tepat dan pengetahuan yang mendalam mengenai isu HIV/AIDS kepada pelaksananya iaitu Pegawai Agama. Melalui Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS ini peluang melaksanakan usaha dakwah kepada ODHA dapat direalisasikan.

#### 4.1 Peranan Pegawai Agama Sebagai Pendakwah

Pegawai Agama di Malaysia ialah kumpulan penjawat awam yang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Mereka mendapat pendidikan secara formal dalam bidang Pengajian Islam sama ada di peringkat menengah mahupun pengajian tinggi. Secara umumnya, Pegawai-pegawai Agama ini mempunyai latar belakang keilmuan mengenai pelbagai aspek dalam agama Islam dan menjadi orang yang dirujuk apabila terdapat permasalahan mengenai agama. Secara tidak langsung, Pegawai Agama ini merupakan pendakwah untuk menyampaikan ilmu yang dimiliki. Ini kerana ciri-ciri pendakwah yang baik ialah yang dapat menaikkan martabat umat Islam ke satu peringkat yang membanggakan dan mendalami ilmu pengetahuan agar dapat dipraktikkan supaya bersesuaian dengan keperluan semasa (Ahmad Mahmud, 1996). Ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah ali Imran ayat 110:



Maksudnya:

*“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik”.*

Selain daripada ilmu agama yang bersumberkan al Quran dan as Sunah, para pendakwah juga perlu mempunyai pengetahuan dan mendalami ilmu-ilmu lain seperti ilmu kemanusiaan, komunikasi, psikologi dan lain-lain serta peka kepada isu-isu semasa. Justeru, adalah penting untuk Pegawai Agama ini mempelajari ilmu berkaitan

HIV/AIDS dan mendapat maklumat yang tepat agar penyampaian dakwah terutamanya kepada ODHA akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

#### **4.2 Peranan Sasaran Dakwah (*Mad'u*)**

Oleh kerana Pegawai Agama ini telah dilatih untuk mendekati ODHA, maka sasaran dakwah (*Mad'u*) yang dimaksudkan di sini ialah ODHA itu sendiri. ODHA amat memerlukan bimbingan dan sokongan rohani daripada Pegawai Agama. Dalam hal ini ODHA tidak harus menjauhkan diri dari golongan agama disebabkan malu atau merasa tersisih serta merasa tidak dipedulikan. Komunikasi dua hala harus dilakukan agar aktiviti dakwah berjaya dilaksanakan.

#### **4.3 Strategi Pegawai Agama**

Pendekatan terbaik yang boleh dilaksanakan oleh Pegawai Agama ialah berdakwah secara berhikmah dan berhemah. Masyarakat kita telah lama mengambil sikap terus menghukum apabila berdepan dengan golongan ODHA disebabkan adanya stigma dan diskriminasi dalam kalangan masyarakat. Hal ini akan menyebabkan ODHA terus menjauhkan diri dan mungkin terus tersasar tanpa bimbingan. Pegawai Agama mestilah memikirkan pendekatan terbaik untuk berdepan dengan ODHA, khususnya golongan terbabit dengan gejala sosial. Tambahan pula kini masalah HIV/AIDS tidak hanya membabitkan golongan pengguna dadah, mak nyah mahupun pelacur, tetapi semakin ramai suri rumah dan kanak-kanak dijangkiti HIV. Pegawai Agama yang telah dilatih melalui Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS ini sewajarnya bertindak menyampaikan maklumat yang telah diperolehi menerusi ruang dan peluang yang ada. Ini termasuklah menggunakan masjid sebagai tempat menyalurkan maklumat mengenai HIV/AIDS dalam khutbah, kelas-kelas pengajian takmir masjid dan surau, bengkel-bengkel serta seminar.

Selain itu, lawatan ke rumah ODHA yang tergolong dalam anak kariah setempat perlu kerap diadakan sama ada secara individu atau secara kumpulan kecil. Bagi Pegawai Agama yang berkhidmat di Jabatan Agama Negeri atau Pejabat Agama Daerah, kemahiran untuk mengendalikan sesi kaunseling kepada ODHA yang ingin melangsungkan perkahwinan sangat perlu dipelajari. Secara kesimpulannya, Pegawai Agama sangat dikehendaki untuk sentiasa menambahkan ilmu, mencari maklumat semasa serta meningkatkan kemahiran mengenai isu HIV/AIDS walaupun telah menjalani program latihan.

### **5. Dapatan Kajian**

Analisis deskriptif telah digunakan untuk bagi memperjelaskan persoalan kajian pertama iaitu apakah tahap penilaian pembelajaran peserta Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS terhadap maklumat yang diperolehi daripada kandungan program dan temu seru. Hasil analisis ujian deskriptif dipisahkan mengikut setiap aspek dari penilaian pembelajaran peserta seperti berikut:

a. Penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperolehi daripada kandungan Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS.

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan maklumat yang diperolehi daripada kandungan Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1. Penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada kandungan Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS

No	Penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada kandungan program	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Modul 1 : HIV/AIDS : Pengenalan asas	4.23	0.60	Sangat Tinggi
2	Modul 2: Fakta dan perangkaan HIV/AIDS	4.23	0.64	Sangat Tinggi
3	Modul 3: Pencegahan	4.21	0.65	Sangat Tinggi
4	Modul 4: Sokong bantu dan rawatan	4.21	0.66	Sangat Tinggi
5	Modul 5: Stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi	4.19	0.69	Tinggi
6	Modul 6 : Tugas dan tanggungjawab umat Islam di dalam memerangi HIV/AIDS	4.22	0.70	Sangat Tinggi
7	Modul 7 : Pengurusan jenazah	4.14	0.76	Tinggi
8	Modul 8 : Pelan Tindakan	4.14	0.63	Tinggi
	<b>Keseluruhan</b>	<b>4.20</b>	<b>0.50</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 1 menunjukkan bahawa setiap item dalam penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada kandungan Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS berada pada tahap tinggi dan sangat tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Modul 1 : HIV/AIDS : Pengenalan asas (min = 4.23 dan sisihan piawaian = 0.60) berada pada tahap sangat tinggi dan item modul 2: Fakta dan perangkaan HIV/AIDS (min = 4.23 dan sisihan piawaian = 0.64) berada pada tahap sangat tinggi. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Modul 7 : Pengurusan jenazah (min = 4.14 dan sisihan piawaian = 0.76) berada pada tahap tinggi dan item Modul 8 : Pelan Tindakan (min = 4.14 dan sisihan piawaian = 0.63) berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada kandungan Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS berada pada tahap tinggi (min = 4.20 dan sisihan piawaian = 0.50).

b. Penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada temu seru Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan maklumat yang diperoleh daripada temu seru Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 2 berikut.

Jadual 2. Penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada temu seru Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS

No	Penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperoleh daripada temu	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
----	---	-----	----------------	--------------

<b>seru program</b>				
1	Bimbingan yang diberikan oleh fasilitator mencukupi	4.06	0.58	Tinggi
2	Objektif-objektif yang ditetapkan tercapai	4.00	0.65	Tinggi
3	Relevan dengan tugas sebagai agamawan / pendakwah / peranan dalam masyarakat	4.25	0.54	Sangat Tinggi
4	Meningkatkan kemampuan memindahkan pengetahuan dan kemahiran dalam teori dan bentuk amali	4.17	0.61	Tinggi
5	Minat untuk menjalankan program <i>outreach</i> di tempat saya meningkat	4.10	0.65	Tinggi
6	Keyakinan untuk menjalankan program <i>outreach</i> di tempat saya meningkat	4.04	0.67	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.10</b>	<b>0.47</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 2 menunjukkan bahawa setiap item dalam penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperolehi daripada temu seru Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS berada pada tahap tinggi dan sangat tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi relevan dengan tugas sebagai agamawan / pendakwah / peranan dalam masyarakat (min = 4.25 dan sisihan piawaian = 0.54) berada pada tahap sangat tinggi. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Objektif-objektif yang ditetapkan tercapai (min = 4.00 dan sisihan piawaian = 0.65) berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penilaian pembelajaran peserta terhadap maklumat yang diperolehi daripada temu seru Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS berada pada tahap tinggi (min = 4.10 dan sisihan piawaian = 0.47).

Secara keseluruhannya tahap penilaian pembelajaran peserta Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS terhadap maklumat yang diperolehi daripada kandungan program dan temu seru dirumuskan seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3. Tahap penilaian pembelajaran peserta Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS

No	Penilaian pembelajaran	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Maklumat yang diperolehi daripada kandungan	4.20	0.50	Tinggi
2	Maklumat yang diperolehi daripada temu seru	4.10	0.47	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.16</b>	<b>0.44</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 3 menunjukkan bahawa penilaian pembelajaran peserta Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS terhadap maklumat yang diperolehi daripada kandungan program (min = 4.20 dan sisihan piawaian = 0.50) mempunyai min yang lebih tinggi dari maklumat yang diperolehi daripada temu seru program (min = 4.10 dan sisihan piawaian = 0.47). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penilaian pembelajaran peserta Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS berada pada tahap tinggi (min = 4.16 dan sisihan piawaian = 0.44).

Persoalan kajian kedua merujuk kepada apakah tahap penilaian tingkah laku peserta yang telah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS dari segi

pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap ODHA, kesedaran tentang peranan dakwah dan kesediaan menjalankan program mendekati ODHA. Hasil analisis ujian deskriptif dipisahkan mengikut setiap aspek dari penilaian tingkah laku peserta seperti berikut.

- a. Penilaian tingkah laku peserta yang telah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS dari segi pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap ODHA.

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap ODHA peserta yang telah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 4 berikut.

Jadual 4. Penilaian tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS segi pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap ODHA

No	Penilaian tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS daripada segi pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap ODHA	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Sebelum program latihan, saya tidak tahu mengenai cara jangkitan HIV	3.45	1.14	Tinggi
2	Sebelum program latihan, saya mempunyai persepsi buruk terhadap Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA)	3.43	1.14	Tinggi
3	Sebelum program latihan, saya pernah menyisihkan ODHA	2.89	1.17	Sederhana
4	Selepas program latihan, saya lebih yakin untuk berinteraksi dengan ODHA	4.23	0.65	Sangat Tinggi
5	Selepas program latihan, persepsi saya terhadap ODHA dan keluarga mereka lebih positif	4.28	0.63	Sangat Tinggi
6	Selepas program latihan, saya lebih memahami isu-isu HIV/AIDS	4.40	0.54	Sangat Tinggi
	<b>Keseluruhan</b>	<b>3.78</b>	<b>0.61</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 4 menunjukkan bahawa setiap item dalam penilaian tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS dari segi pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap ODHA berada pada tahap sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah “Sebelum program latihan, saya tidak tahu mengenai cara jangkitan HIV”, (min = 3.45 dan sisihan piawaian = 1.14) berada pada tahap sangat tinggi. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah “Sebelum program latihan, saya pernah menyisihkan ODHA”, (min = 2.89 dan sisihan piawaian = 1.17) berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penilaian tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS segi pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap ODHA berada pada tahap tinggi (min = 3.78 dan sisihan piawaian = 0.61).

b. Penilaian tingkah laku peserta yang telah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS dari segi kesedaran tentang peranan dakwah.

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan kesedaran tentang peranan dakwah peserta yang telah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 5 berikut.

Jadual 5. Penilaian tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS daripada segi kesedaran tentang peranan dakwah

No	Penilaian tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS daripada segi kesedaran tentang peranan dakwah	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Dakwah boleh dilaksanakan oleh semua umat Islam	4.55	0.62	Sangat Tinggi
2	Dakwah boleh dilaksanakan dengan berbagai-bagai metodologi	4.55	0.51	Sangat Tinggi
3	Penyampaian maklumat yang tepat mengenai HIV/AIDS kepada masyarakat merupakan salah satu usaha dakwah	4.53	0.51	Sangat tinggi
4	ODHA merupakan sasaran dakwah yang perlu didekati	4.45	0.61	Sangat Tinggi
5	Dakwah kepada ODHA memerlukan kemahiran yang tinggi	4.49	0.64	Sangat Tinggi
6	Dakwah kepada ODHA memerlukan komitmen yang tinggi	4.57	0.52	Sangat Tinggi
	<b>Keseluruhan</b>	<b>4.52</b>	<b>0.44</b>	<b>Sangat Tinggi</b>

Jadual 5 menunjukkan bahawa setiap item dalam penilaian tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS segi kesedaran tentang peranan dakwah berada pada tahap sangat tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah dakwah kepada ODHA memerlukan komitmen yang tinggi (min = 4.57 dan sisihan piawaian = 0.52). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah ODHA merupakan sasaran dakwah yang perlu didekati (min = 4.45 dan sisihan piawaian = 0.61). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penilaian tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS segi kesedaran tentang peranan dakwah berada pada tahap sangat tinggi (min = 4.52 dan sisihan piawaian = 0.44).

c. Penilaian tingkah laku peserta yang telah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS dari segi kesediaan menjalankan program mendekati ODHA.

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan kesedaran tentang kesediaan menjalankan program mendekati ODHA peserta yang telah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 6 berikut.

Jadual 6. Penilaian tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS daripada segi kesediaan menjalankan program mendekati ODHA

No	Penilaian tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
----	---	-----	----------------	--------------

<b>Islam dan HIV/AIDS daripada segi kesediaan menjalankan program mendekati ODHA</b>						
1	Semangat saya untuk mendekati ODHA meningkat	4.14	0.62			Tinggi
2	Semangat saya untuk memahami ODHA meningkat	4.24	0.54			Sangat Tinggi
3	Semangat saya untuk membantu ODHA meningkat	4.22	0.53			Sangat Tinggi
4	Keyakinan saya untuk merangka program berkaitan HIV/AIDS meningkat	4.08	0.60			Tinggi
5	Keyakinan saya untuk menjalankan program <i>outreach</i> secara berkumpulan di tempat saya meningkat	4.04	0.59			Tinggi
6	Keyakinan saya untuk menjalankan program <i>outreach</i> secara individu di tempat saya meningkat	3.96	0.68			Tinggi
	<b>Keseluruhan</b>	<b>4.11</b>	<b>0.49</b>			<b>Tinggi</b>

Jadual 6 menunjukkan bahawa setiap item dalam penilaian tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS segi kesediaan menjalankan program mendekati ODHA berada pada tahap tinggi dan sangat tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah semangat saya untuk memahami ODHA meningkat (min = 4.24 dan sisihan piawaian = 0.54) berada pada tahap sangat tinggi. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah keyakinan saya untuk menjalankan program *outreach* secara individu di tempat saya meningkat (min = 3.96 dan sisihan piawaian = 0.68) berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penilaian tingkah laku peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS segi kesediaan menjalankan program mendekati ODHA berada pada tahap tinggi (min = 4.11 dan sisihan piawaian = 0.49).

Secara keseluruhannya tahap penilaian tingkah laku peserta yang telah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS dari segi pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap ODHA, kesedaran tentang peranan dakwah dan kesediaan menjalankan program mendekati ODHA dapat dirumuskan seperti Jadual 7 berikut :

Jadual 7. Tahap penilaian tingkah laku peserta yang telah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS

No	Penilaian tingkah laku	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap ODHA	3.78	0.61	Tinggi
2	<b>Kesedaran tentang peranan dakwah</b>	<b>4.52</b>	<b>0.44</b>	<b>Sangat Tinggi</b>

3	Kesediaan menjalankan program mendekati ODHA	4.11	0.49	Tinggi
	Keseluruhan	4.14	0.38	Tinggi

Jadual 7 menunjukkan bahawa kesedaran tentang peranan dakwah peserta setelah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS (min = 4.52 dan sisihan piawaian = 0.44) adalah lebih tinggi berbanding dengan kesediaan menjalankan program mendekati ODHA (min = 4.11 dan sisihan piawaian = 0.49) dan Pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap ODHA (min = 3.78 dan sisihan piawaian = 0.61). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penilaian tingkah laku peserta yang telah mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS berada pada tahap tinggi (min = 4.14 dan sisihan piawaian = 0.38).

Keseluruhan interpretasi julat skor min adalah dirujuk melalui Jadual 8 berikut:

Julat	Tahap Skor Min
1.00 - 1.80	Sangat Rendah
1.81 - 2.60	Rendah
2.61 - 3.40	Sederhana
3.41 - 4.20	Tinggi
4.21 - 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Alias (1999)

Analisis korelasi Pearson dijalankan bagi mengenal pasti hubungan di antara penilaian pembelajaran dengan penilaian tingkah laku peserta yang mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS. Hasil analisis ujian korelasi Pearson tersebut seperti Jadual 9 berikut.

Jadual 9. Korelasi Pearson hubungan di antara penilaian pembelajaran dengan penilaian tingkah laku peserta yang mengikuti Program Latihan Manual Islam Dan HIV/AIDS

Hubungan	Tingkah laku		Interpretasi
	r	Sig.	
Maklumat yang diperoleh daripada kandungan	0.489	0.000	Sederhana
Maklumat yang diperoleh daripada temu seru	0.539	0.000	Kuat

Jadual 9 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara penilaian pembelajaran dari segi maklumat yang diperoleh daripada kandungan dengan penilaian tingkah laku peserta yang mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS dengan nilai  $r = 0.489$  dan  $\text{sig} = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). Kekuatan hubungan ialah positif sederhana. Ini menunjukkan hipotesis nol ( $H_0 1.1$ ) adalah ditolak.

Terdapat hubungan yang signifikan di antara penilaian pembelajaran dari segi maklumat yang diperoleh daripada temu seru dengan penilaian tingkah laku peserta yang mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS dengan nilai  $r = 0.539$  dan  $\text{sig} = 0.000$  ( $p < 0.05$ ). Kekuatan hubungan ialah positif kuat. Ini menunjukkan hipotesis nol ( $H_0 1.2$ ) adalah ditolak. Interpretasi nilai pekali korelasi dijelaskan melalui Jadual 10 berikut :

Jadual 10. Interpretasi nilai pekali korelasi

Nilai Pekali	Tafsiran/Penerangan
0.01 - 0.09	Boleh diabaikan
0.10 - 0.29	Rendah
0.30 - 0.49	Sederhana
0.50 - 0.69	Kuat
0.70 - 0.99	Sangat tinggi
1.00	Sempurna

Sumber: Sabitha Marican (2005)

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara penilaian pembelajaran dengan penilaian tingkah laku peserta yang mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS. Ini menunjukkan hipotesis nol ( $H_0$ ) adalah ditolak. Dapatan kajian tentang hubungan penilaian pembelajaran dengan tingkah laku ini adalah selari dengan teori dan kajian daripada sarjana bahawa pembelajaran dapat mengubah tingkah laku seseorang. Kirkpatrick (1959) sendiri mengatakan bahawa tanpa pembelajaran, tiada perubahan tingkah laku akan berlaku. Daripada dapatan kajian ini juga mendapati bahawa peserta Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS ini bersetuju bahawa dakwah boleh dilaksanakan oleh semua umat Islam, dakwah boleh dilaksanakan dengan berbagai-bagai metodologi, penyampaian maklumat yang tepat mengenai HIV/AIDS kepada masyarakat merupakan salah satu usaha dakwah dan ODHA merupakan sasaran dakwah yang perlu didekati. Selain itu peserta program latihan juga bersetuju bahawa dakwah kepada ODHA memerlukan kemahiran dan komitmen yang tinggi.

## 6. Kesimpulan

Pembelajaran yang didapati melalui program latihan sangat penting untuk menentukan peserta mendapat manfaat daripada latihan yang disertai. Peserta program latihan sudah tentu ingin mendapat maklumat dan input-input baharu daripada kursus, bengkel mahupun latihan yang berkaitan dengan bidang tugas mereka mahupun sekadar ingin menambahkan pengetahuan. Pembelajaran tersebut menjadi lebih bermakna sekiranya ia dapat mengubah tingkah laku peserta ke arah yang lebih positif. Dalam hal ini, program latihan ini didapati berjaya kerana peserta yang mengikuti Program Latihan Manual Islam dan HIV/AIDS telah mendapat informasi yang tepat dan lengkap. Pembelajaran yang didapati juga mampu mengubah persepsi atau stigma dan diskriminasi terhadap ODHA yang sebelum ini mungkin ada dalam kalangan Pegawai Agama disebabkan tiada maklumat yang jelas dan spesifik mengenai HIV/AIDS. Program latihan ini juga dapat membuka satu dimensi baharu bagi menggalakkan usaha dakwah terhadap ODHA yang amat memerlukan sokongan kerohanian daripada Pegawai Agama. Walau bagaimanapun, inisiatif dan komitmen untuk bergerak melaksanakan dakwah yang pro-aktif secara individu atau berkumpulan sangat perlu dititik beratkan oleh Pegawai Agama yang telah dilatih bagi memastikan segala yang dipelajari dapat diaplikasikan secara optimum.

## Rujukan

Abdul Ghafar Haji Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Hussin, Mohd Aderi Che Noh, Ahmad Irdha Mokhtar & Zulkefli Aini. (2015). Penilaian Terhadap

- Keberkesanan Pelaksanaan Kursus dan Latihan yang Ditawarkan oleh Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Sains Humanika*, vol. 6, no.1, pp. 1-8.
- Ahmad Mahmud Abu Zaid. (1996). *Pendakwah Masa Kini: Sikap & Pendekatan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Alias Baba.(1999). *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2009). *Manual Islam Dan HIV/AIDS*. Selangor: OMR Press Sdn Bhd.
- Kamaruzaman Moidunny, Norasmah Othman & Siti Ragayah Ariffin. (2012). Penilaian Pembelajaran Peserta Program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, no. 35, vol. 1, pp. 67-75.
- Kirkpatrick, D.L.(1987). *Evaluating Training Programs: A Collection of Articles From Training and Development Journal*. USA: American Society for Training and Development.
- Majlis AIDS Malaysia dan Yayasan AIDS Malaysia. (2013). *Annual Report Malaysian AIDS Council And Malaysian AIDS Foundation*. Kuala Lumpur: MAC & MAF.
- Norhasni Zainal Abidin. (2014). *Reka Bentuk Metodologi dan Penilaian Latihan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

**Author's Biography**

**Hazlin Kadir @ Shahar**, ialah calon PhD di Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mendapat pendidikan peringkat Sarjana dalam bidang Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya dan Sarjana muda dalam bidang Dakwah Dan Kepimpinan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Sekarang beliau berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Kanan di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Beliau boleh dihubungi melalui e-mel : [haz\\_sha@yahoo.com](mailto:haz_sha@yahoo.com) / [hazlin.islam@1govuc.gov.my](mailto:hazlin.islam@1govuc.gov.my)